

Accepted	Reviewed	e-Journal Upload
05 AUG 2022	08 NOV 2022	29 NOV 2022

## ADAT MENGGELAR MEMBENTUK PERUBAHAN STRATIFIKASI SOSIAL MASYARAKAT SELANGOR

### *TITLE CUSTOMS SHAPE CHANGES IN SELANGOR SOCIETY'S SOCIAL STRATIFICATION*

Muhamad Adha Abd Jalil<sup>1</sup>, Mohd Rosli Saludin<sup>2</sup>, Ros Mahwati Ahmad Zakaria<sup>3</sup>

#### ABSTRAK

*Adat menggelar membentuk perubahan stratifikasi sosial masyarakat Selangor bermula apabila Raja Lumu dinobatkan sebagai Yang di-Pertuan Besar Selangor pada November 1766. Adat menggelar merupakan antara istiadat penting dalam mengesahkan sesuatu gelaran yang diberikan oleh Sultan kepada mereka yang di lantik untuk menyandang sesuatu pangkat gelaran di sisi Istana Selangor. Hal ini tidak diketengahkan oleh J.M. Gullick (1998), Khoo Kay Kim (1985), Barbara Watson Andaya (1974), Mohd Yusof Hashim (2001), Abdullah Zakaria Ghazali (1999/ 2000), Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria (2012, 2013, 2019) dan Paiman Keromo (1989) menyebabkan hal ehwal berkaitan adat ini tidak diketahui dan difahami. Oleh hal demikian, artikel ini bertujuan menerangkan dengan jelas adat menggelar membentuk perubahan stratifikasi sosial masyarakat Selangor yang kurang ditonjolkan dalam disiplin sejarah supaya diketahui umum. Artikel ini akan menganalisis adat menggelar terlebih dahulu, kemudian mensistesis tatatusila kebudayaan adat menggelar. Seterusnya menilai kelayakan dan perubahan stratifikasi sosial yang berlaku kepada individu yang menerima gelaran dalam masyarakat di negeri Selangor. Sumber primer seperti Arkib Negara Malaysia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Colonial Office, Pejabat Sultan Selangor dan sumber sekunder yang digunakan bagi menjawab perkara yang dikemukakan. Secara keseluruhan adat menggelar merupakan adat yang mengandungi gabungan sosiobudaya Melayu dan Bugis sejak Raja Lumu diperaku sebagai Yang di-Pertuan Besar Selangor pada November 1766. Adat menggelar ini dikenali sebagai Istiadat Menjunjung Duli dan akan dilalui oleh mereka yang bergelar Raja Muda, Raja Bergelar, Orang-Orang Besar Istana, Orang Besar Daerah dan Dato'-Dato' Diraja (beragama Islam dan bukan beragama Islam). Individu yang menerima gelaran di sisi Istana Selangor akan mengalami perubahan mobiliti sosial dan mempunyai keistimewaan tertentu yang tidak dimiliki oleh masyarakat lain di Selangor. Sehubungan itu, berdasarkan kepada isu yang dinyatakan di atas, mengenai adat menggelar pembesar ini, maka artikel ini akan mengetengahkan hal ehwal mengenai adat ini yang terdapat di negeri Selangor.*

**Kata Kunci :** *Adat Menggelar, Pembesar, Kesultanan Selangor, Istiadat Menjunjung Duli, Kebudayaan.*

<sup>1</sup> Muhamad Adha Abd Jalil, Universiti Kebangsaan Malaysia, P110805@siswa.ukm.edu.my

<sup>2</sup> Mohd Rosli Saludin, Universiti Kebangsaan Malaysia, dmohdroli@ukm.edu.my

<sup>3</sup> Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Universiti Kebangsaan Malaysia, rosmahwati@ukm.edu.my

## ABSTRACT

When Raja Lumu was proclaimed the Yang di-Pertuan Besar of Selangor in November 1766, the naming custom began to influence the social stratification of Selangor society. One of the crucial rituals in verifying a title awarded by the Sultan to individuals chosen to hold a position on the side of Selangor Palace is the naming custom. While *J.M. Gullick (1998)*, *Khoo Kay Kim (1985)*, *Barbara Watson Andaya (1974)*, *Mohd Yusof Hashim (2001)*, *Abdullah Zakaria Ghazali (1999/2000)*, *Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria (2012, 2013, 2019)*, and *Paiman Keromo (1989)* did not draw attention to this, they did contribute to the lack of knowledge and understanding of matters pertaining to this custom. So that it is known to the general public, this essay attempts to fully describe the custom of calling that helped to form the social stratification changes in the Selangor community but is not highlighted in the field of history. The custom of calling will be analysed in this article, followed by a summary of the culture around it. Next, consider the requirements and modifications to social strata that result from title recipients in the state of Selangor. To address the issues raised, secondary materials and primary sources from the National Archives of Malaysia, the Selangor State Government Secretary's Office, the Colonial Office, and the Selangor Sultan's Office were utilised. Since Raja Lumu was recognized as the Yang di-Pertuan Besar of Selangor in November 1766, the naming custom has generally been a custom that combines Malay and Bugis socio-culture. The *Raja Muda*, *Raja Bergelar*, *Orang-Orang Besar Istana*, *Orang Besar Daerah* and *Dato'-Dato' Diraja* shall pass this naming custom, known as the Ceremony *Menjunjung Duli* (Muslims and non-Muslims). The social mobility of those who are granted a title at the side of the Selangor Palace will change, and they will be granted benefits that other communities in Selangor do not. As a result, this essay will focus on the affairs of this custom found in the state of Selangor in light of the aforementioned concern with the practice of calling the magistrate.

**Keywords:** *Selangor Sultanate, Magnification, Royal Ceremony, Culture*

## PENGENALAN

Apabila terbentuknya sebuah negeri yang berdaulat, maka bermulalah adat istiadat dan kebudayaan dalam sesebuah negeri. Kekurangan sumber-sumber primer dan sekunder daripada kajian terdahulu mengenai adat istiadat yang mewarnai Kesultanan Selangor terutamanya Istiadat Menjunjung Duli iaitu adat menggelar ataupun pengesahan gelaran. Secara tidak langsung menimbulkan pelbagai persepsi dan perbezaan pandangan mengenai kebudayaan yang ada di perkarangan Istana terutamanya adat menggelar yang diamalkan di negeri Selangor. Sebagai sebuah negeri beraja, adalah penting masyarakat luar menyedari kepentingan dan signifikan kewujudan adat menggelar yang dijalankan kepada individu yang dilantik menyandang sesuatu pangkat oleh Sultan Selangor. Berdasarkan Kenang-Kenangan Selangor (Wan Muhammad Amin. 2020 : 63-64) ada mencatatkan mengenai peristiwa adat menggelar yang berlaku di zaman pemerintahan Sultan Alauddin Suleiman Shah (1898-1938) pada 20 Oktober 1898 yang melibatkan golongan aristokrat Melayu Selangor. Mereka yang dilantik mempunyai peranan dan tanggungjawab yang berbeza serta pelbagai di peringkat negeri dan keistanaan. Peranan mereka ini telah berfungsi sejak terbentuknya Kesultanan Selangor lagi.

Sebahagian besar pengkaji terdahulu yang berautoriti seperti *J.M. Gullick (1998)*, *Khoo Kay Kim (1985)*, *Barbara Watson Andaya (1974)*, *Mohd Yusof Hashim (2001)* dan *Abdullah Zakaria Ghazali (1999/ 2000)* kurang menonjolkan mengenai adat istiadat sebaliknya kajian mereka banyak tertumpu kepada sistem pentadbiran dan politik negeri. Namun begitu, kajian

Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria (2012, 2013, 2019) banyak menyentuh mengenai aristokrat Melayu Selangor dari segi sejarah, salasilah dan mobiliti sosial golongan tersebut. Namun begitu, tidak menyentuh tentang adat menggelar golongan aristokrat Melayu Selangor ketika dilantik dan menyandang pangkat tersebut. Begitu juga kajian Paiman Keromo (1989) yang mengkaji mengenai Sejarah Adat Istiadat Kesultanan negeri Selangor. Ia tertumpu kepada Istiadat Pertabalan dan Kemahkotaan Sultan. Namun begitu, kajian mereka amat baik dan memenuhi kehendak masing-masing dalam mencapai objektif kajian. Melihat kepada kelompongan tersebut, maka kajian ini akan mengisi kelompongan tersebut agar ianya dapat menjadi satu himpunan kajian bagi rujukan di masa hadapan.

Secara umumnya, sembilan buah negeri beraja yang ada di dalam negara Malaysia pada hari ini, hanya tiga buah negeri sahaja yang masih mengamalkan sebuah adat mengesah gelaran ataupun adat menggelar pembesar yang dikenali sebagai Istiadat Menjunjung Duli. Negeri-negeri yang mengamalkan Istiadat Menjunjung Duli terdiri daripada Perak, Selangor dan Pahang. Sungguhpun demikian, terdapat juga negeri menggunakan perkataan Istiadat Menjunjung Duli iaitu Negeri Sembilan bagi menjalankan adat mengulangi ikrar taat setia yang dikhususkan kepada Dato-Dato Penghulu Luak Tanah Mengandung. Namun, daripada tiga buah negeri, hanya dua buah negeri sahaja yang mengamalkan Istiadat Menjunjung Duli diiringi dengan paluan nobat semasa berlangsungnya adat tersebut iaitu Perak dan Selangor. Di negeri Selangor, adat ini perlu dilalui oleh Waris Utama, Raja Bergelar, Orang-Orang Besar Istana, Orang Besar Daerah dan Dato'-Dato' Diraja dan tatacara tersebut adalah untuk pengesahan gelaran yang dikurniakan kepada mereka. Istiadat ini juga tidak khusus kepada pembesar yang beragama Islam sahaja tetapi turut dilalui kepada mereka yang dikurniakan Dato' Diraja bagi yang bukan beragama Islam.

Dalam tamadun manusia, sering berlaku pertembungan antara dua atau lebih kebudayaan, proses ini menyebabkan berlakunya proses pinjam dan meminjam kemudian diolah dengan baik dan tersusun. Demikian, adat menggelar yang diamalkan di negeri Selangor yang mempunyai kebudayaannya yang tersendiri iaitu gabungan Bugis Luwu dan Melayu. Budaya dan cara hidup terbentuk dalam lingkungan hidup masyarakat itu sendiri meliputi segala unsur dan elemen yang mempengaruhinya (A. Aziz, 2005). Demikianlah, adat menggelar pembesar di negeri Selangor yang berasal usul dari Kesultanan negeri Perak (Tengku Ramli, 2021) dan (Raja Kobat Salehuddin, 2016). Adat ini menyerap masuk dalam keistanaan Selangor sejak Raja Lumu dinobatkan pada November 1766 oleh Paduka Seri Sultan Mahmud Shah ibni Almarhum Sultan Muhammad Shah (Paduka Seri Sultan Perak ke-16), melalui memperaku dan penobatan Raja Lumu sebagai Yang di-Pertuan Besar Selangor bergelar Sultan Salehuddin (Raja Chulan, 1966 : 187-188:) dan (Raja Ali Haji, 1998: 199-200). Budaya yang wujud di Istana Selangor boleh dikatakan berkonsep akulturasi iaitu perpaduan dua budaya, kedua-dua unsur budaya yang bertemu ini dapat hidup berdampingan dan saling mengisi tetapi tidak menghilangkan unsur asli kedua-dua kebudayaan tersebut. Pengaruh pada suatu kebudayaan oleh kebudayaan lain yang terjadi apabila pendukung-pendukung dari kedua kebudayaan itu berhubungan lama. Menurut Kamus Besar Ilmu Pengetahuan (1995:36), di sebutkan bahawa akulturasi ialah proses percampuran dua kebudayaan atau lebih saling mempengaruhi.

Stratifikasi menurut Kamus Dewan edisi keempat (2010) merujuk kepada pembahagian masyarakat kepada beberapa lapisan atau kelas yang berlainan, susun lapis masyarakat, pembahagian kepada atau pembentukan strata. Manakala sosial adalah segala yang berkaitan dengan masyarakat, perihal masyarakat, kemasyarakatan. Negeri Selangor seperti negeri-negeri Melayu lain kecuali Negeri Sembilan yang mempunyai sistem sosial yang berbeza. Anggota-anggota masyarakat dibahagi kepada dua golongan yang memerintah dan yang diperintah atau yang mempunyai hak istimewa dan yang tidak. Golongan pemerintah pula boleh dibahagi dua golongan anak raja dan golongan orang besar-besar. Antara orang besar-

besar ada yang bergelar dan ada yang tidak seperti penghulu-penghulu mukim dan kampung. Menurut Ahmad Farhan Abdullah Zakaria (2013, 2016 dan 2018), sebanyak dua kategori aristokrat Melayu dapat dikemukakan dalam Kesultanan Selangor, kategori pertama, raja Selangor. Kategori kedua, orang besar Selangor. Negeri Selangor sebagai mana kita ketahui kuat dipengaruhi oleh orang Bugis, jadi sistem sosialnya tidak boleh disamakan, misalnya dengan sistem sosial perak yang banyak mendapat pengaruh Aceh. Perbezaan ini akan jadi lebih nyata lagi apabila kita perhatikan susunan masyarakat Selangor khususnya dengan menentukan di manakah terletaknya kuasa politik.

Berdasarkan kenyataan ini, artikel ini bertujuan menerangkan dengan jelas adat menggelar membentuk perubahan stratifikasi sosial masyarakat Selangor yang kurang ditonjolkan dalam disiplin sejarah supaya diketahui umum. Perkara ini harus ditonjolkan dan diketengahkan kerana ianya merupakan satu kebudayaan yang masih lagi dipraktik dan relevan dalam memperlihatkan ketinggian tamadun Melayu di era kemodenan. Berdasarkan permasalahan yang dikemukakan, Artikel ini mengemukakan persoalan kajian dan objektif sebagai panduan dalam menjawab persoalan yang dikemukakan iaitu Adakah adat menggelar berkaitan dengan penobatan Raja Lumu sebagai Sultan Salehuddin?; bagaimanakah istiadat menjunjung duli dan elemen sosiobudaya dalam adat menggelar?; dan mengapakah berlaku perubahan mobiliti sosial kepada penerima gelaran dan apakah kelayakan serta keistimewaan mereka dengan antara masyarakat di Selangor.

Melalui artikel ini juga, akan membentuk tiga objektif iaitu menganalisis adat menggelar dan terlebih dahulu, kemudian mensistesis tatatusila kebudayaan adat menggelar. Seterusnya menilai kelayakan dan perubahan stratifikasi sosial yang berlaku kepada individu yang menerima gelaran dalam masyarakat di negeri Selangor.

## **METODOLOGI**

Penulisan yang bersifat ilmiah sangat memerlukan kaedah penulisan yang baik dan kemas supaya hasil penulisan adalah menarik dan terbaik. Dalam mencapai penulisan tersebut maka metodologi adalah elemen penting dalam menentukan hasilnya. Oleh kerana artikel ini bersifat sejarah, berbentuk tematik dan kaedah kualitatif digunakan dalam menjelaskan perkara yang dikaji dengan menggunakan sumber primer dan sumber sekunder yang boleh dicapai di Arkib Negara Malaysia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, *Colonial Office*, Pejabat Sultan Selangor bagi sumber primer. Manakala bagi sumber sekunder berdasarkan bahan-bahan perpustakaan bagi dijadikan satu rujukan perbandingan bagi melihat pendapat dan tujahan masing-masing berkenaan tajuk yang dikaji. Bagi mengupas perkara berkenaan, kajian ini akan membahagikan kepada lima subtopik iaitu Penobatan Raja Lumu sebagai Sultan Salehuddin, Sejarah Adat Menggelar Pembesar Selangor. Sepintas Lalu, Istiadat Menjunjung Duli, Kebudayaan Dalam Adat Menggelar, Perubahan Stratifikasi Sosial Penerima Gelaran. Artikel ini penting kerana kurang ditonjolkan dan diterbitkan sama ada dalam bentuk akademik ataupun sebaliknya. Berdasarkan kepada sumber-sumber primer dan sekunder yang digunakan akan dianalisis, disintesis dan diinterpretasi agar dapat dijadikan sumber rujukan di masa hadapan.

## **PENOBATAN RAJA LUMU SEBAGAI SULTAN SALEHUDDIN**

Sejarah telah memperlihatkan beberapa peristiwa penobatan yang berlaku di zaman Kesultanan Melayu Melaka dan Johor dalam menonjolkan kepentingan nobat sebagai lambang kedaulatan dan martabat sesebuah Kesultanan di zaman dahulukala. Sebagaimana kisah mengenainya yang tercatat dalam Sejarah Melayu (1938:176 & 163) dan Abdul Kadir N.C Mohamad (2019:30). Negeri Selangor sebagai sebuah kerajaan yang didaulatkan pada November 1766

oleh Paduka Seri Sultan Mahmud Shah ibni Almarhum Sultan Muhammad Shah (Paduka Seri Sultan Perak ke-16), apabila memperakui dan menobatkan Raja Lumu sebagai Yang di-Pertuan Besar Selangor bergelar Sultan Salehuddin. Bersandarkan kepada perakuan yang diterima melalui penganugerahan nobat ini sebagai lambang pengiktirafan dan perakuan sebagai sebuah negeri yang berdaulat dan secara tidak langsung memberi pembebasan jajahan (Kuala) Selangor daripada takluk kerajaan Johor Pahang Riau Lingga. Seterusnya menjadikan baginda sebagai pengasas kepada Kesultanan Selangor. Sebagaimana yang dinyatakan dalam Misa Melayu (Raja Chulan, 1966:187-188) dan Tuhfat al-Nafis (Raja Ali Haji, 1982:199-200) mengenai pertabalan Raja Selangor secara ringkas mengenai peristiwa penobatan tersebut.

Sebelum penganugerahan nobat, Raja Lumu telah terlebih dahulu dilantik sebagai Raja Kecil Jajahan Selangor pada tahun 1743 oleh paduka ayahandanya iaitu Paduka Seri Opu Daeng Chellak ibni Opu Tendriburung Daeng Rilaga (Yang di-Pertuan Muda Johor, Pahang, Riau, Lingga kedua). Namun, di masa yang sama wilayah Selangor telah mempunyai pemimpin di beberapa kawasan. Menurut Ahmad Farhan Zakaria @Abdullah (2018), Dato' Engku mentadbir Klang di bawah payung Johor bermula abad ke-16 hingga abad ke-18. Kemudian Dato' Engku berajakan Seri Menanti, seterusnya Dato' Engku Klang bersetuju menumpahkan taat setia dan menempatkan jawatannya di bawah pentadbiran Kesultanan Selangor hingga kini. Manakala menurut Mohd Yusoff Hashim (2001:50), To' Engku Klang, beliau mensyaratkan, hanya selepas Raja Lumu dinobatkan secara adat/ hukum Melayu setempat, barulah baginda diiktiraf daulatnya. Oleh kerana itu, Raja Lumu telah memilih negeri Perak untuk memohon perakuan bernobat yang mewarisi kedaulatan Kesultanan Melayu Melaka. Menurut Raja Kobat Salehuddin (2016), Negeri-negeri Bugis, terutamanya negeri Luwu juga mempunyai alat-alat muzik tradisonal seakan nobat, sama juga ada mentera-mentera dan doa yang dilaksanakan untuk penabalan diraja. Semasa mereka bermastautin di semenanjung, Bugis Luwu di Selangor tidak mempunyai pancaragam 'nobat'nya kerana mereka masih tidak diperakui oleh institusi warisan Sulawesi Selatan secara rasmi. Menurut Raja Kobat Salehuddin lagi, sekiranya seseorang Raja Bugis-Makassar tidak dapat memperoleh pengakuan 'maruah' oleh badan-badan tertentu daripada tanah ibundanya, dan tanpa bukti "*kegaukengan*" yang tulen, maka Raja Bugis-Makassar akan mencari ganti yang setaraf atau semartabat dengan "*gaukeng-gaukeng*" asli masyarakat Bugis-Makassar iaitu persamaan konsep Keturunan Bukit Saguntang Mahameru dengan To Manurung Bugis-Makassar. Negeri Perak, sebagai sebuah negeri kelangsungan Kesultanan Melayu Melaka yang penuh dengan ketinggian adat istiadat dalam tatatusila orang Melayu, sehingga kini masih mengekalkan dan mengamalkan adat istiadat terdahulu sejak kedatangan Raja Muda Mudzaffar Shah (Muhamad Adha, 2020:14). Penganugerahan nobat dan cap kayu kempa yang diterima adalah penting dalam usaha Raja Lumu membebaskan Selangor daripada takluk kerajaan Johor Pahang Riau Lingga. Perakuan bernobat ini juga telah membuatkan To' Engku Klang akur dan mengiktiraf Raja Lumu sebagai Yang di-Pertuan Besar Selangor. Kerana, sebahagian daripada kekeramatan (Daulat) Perak telah menjadi suatu sumber "*booster*" kepada *Gaukeng* Warisan kemasyarakatan Bugis-Makassar yang berajakan warisan Pajung ri Luwu selaku Onro Sao Maopu.

Berhubung pengiktirafan Raja Lumu sebagai Yang Di-Pertuan Besar Selangor, terlalu banyak pandangan dan pendapat dalam pelbagai versi yang dikeluarkan. Namun, dapat dinyatakan bahawa Raja Lumu diiktiraf oleh Paduka Seri Sultan Muhammad Shah ibni Almarhum Yang di-Pertuan Muda Mansur Shah (Paduka Seri Sultan Perak ke-14), sekitar tahun 1743 atas penglibatan Raja Lumu dalam perang saudara di negeri Perak. Demikian juga, pengaruh Daeng Selili (Orang Kaya Maharaja Lela Tan Lela Putera Panchong Ta' Bertanya) dan Daeng Manisah (Orang Kaya Laksamana Raja Mahkota) yang merupakan saudara kepada Raja Lumu. Penganugerahan nobat yang diberikan oleh Paduka Seri Sultan Mahmud Shah kepada Raja Lumu juga adalah atas faktor membalas jasa dan budi kerana sokongan dan

penglibatan Yamtuan Raja Chellak dan Raja Lumu ketika membantu Paduka Ayahanda Baginda iaitu Paduka Seri Sultan Muhammad Shah dalam perang Perak yang berlaku sekitar tahun 1743. Berdasarkan kepada kenyataan di atas, jelas menunjukkan bahawa Kesultanan Selangor merupakan sebuah Kesultanan yang masih muda jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain seperti Kedah, Pahang, Terengganu dan lain-lain lagi dari segi terbentuknya sebuah Kesultanan itu sendiri. Sungguhpun begitu, negeri Selangor merupakan di antara negeri yang mempunyai nobat dan mewarisi sebuah adat Melayu purbakala yang mengandungi tatatusila yang tinggi yang dikenali sebagai Istiadat Menjunjung Duli iaitu adat menggelar pembesar sebagaimana sosiobudaya yang dipraktikan di Kesultanan Melayu Melaka.

### **ADAT MENGGELAR PEMBESAR SELANGOR, SEPINTAS LALU**

Dalam konteks sejarah adat istiadat Kesultanan Selangor yang wujud kini, sebahagian besar sama seperti adat istiadat di negeri Perak terutamanya adat menggelar pembesar istana, walaupun terdapat beberapa perbezaan. Manakala negeri Perak pula melestarikan dan mempraktikan segala adat istiadat yang pernah diamalkan di Kesultanan Melayu Melaka. Menurut Jelani Harun (2011:8), sebagai sebuah Kesultanan yang berasal-usul daripada Kesultanan Melaka, sebahagian daripada aturan adat istiadat Kesultanan Perak adalah menyamai seperti apa yang pernah diamalkan oleh raja-raja di Melaka, ataupun merupakan lanjutan daripada amalan adat istiadat Kesultanan Melaka. Dengan wujudnya interaksi pola peradaban Melayu ini, maka berlangsunglah adat istiadat Menjunjung Duli iaitu menyanjungi kedudukan martabat identiti bangsa dengan melakukan pola-pola memelihara kebudayaan Melayu semenjak zaman berzaman. Sejarah Melayu (1938:85) telah menerangkan adat istiadat tersebut di zaman Sultan Muhammad Shah (Sultan Melaka). Demikian juga mengenai persalinan menjadi lambang martabat yang dianugerahkan kepada pembesar sebagaimana di jadual 1. Dewasa kini, pengurniaan kehormatan oleh Raja Pemerintah kepada pembesar tidak lagi seperti adat zaman dahulukala, namun penerima pangkat gelaran masih mempunyai persalinan kehormatan mereka tersendiri. Oleh hal demikian, kita boleh melihat terdapat beberapa persamaan yang wujud dalam adat tersebut dengan negeri Selangor. Kerana itu, tidak boleh dinafikan bahawa negeri Perak bertanggungjawab membentuk adat menggelar di negeri Selangor apabila mendaulatkan negeri Selangor.

<b>TARAF</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>PERSALINAN</b>
5	Bendahara	Lima Chepir
4	Anak Raja dan Menteri dan Cheteria	Empat Chepir
3	Bentara Sida-Sida Hulubalang	Tiga Chepir
2		Dua Chepir
1		Sa-Chepir
0		Tiada Berchepir

Jadual 1: Taraf dan Martabat penerima gelaran di zaman Kesultanan Melaka. Diolah daripada R. O. Winstedt. 1938. *The Malay Annals of Sejarah Melayu*. Journal of The Malayan Branch of the Royal Asiatic Society. VOL. XVI, PART III. halaman 85.

Justeru, berdasarkan kenyataan di atas, elemen pemberian persalinan menjadi lambang dalam adat menggelar kepada seseorang pembesar. Melalui pemberian ini juga menjadi satu keistimewaan dan identiti pengenalan seseorang penerima pangkat bersandarkan kepada persalinan tersebut. Demikian juga dalam adat menggelar pembesar di negeri Selangor, turut melestarikan pemberian persalinan kepada mereka yang menerima gelaran. Menurut Muhamad Adha Abd Jalil (2021:58), Sultan Alauddin Suleiman Shah mewujudkan kembali jawatan Orang-orang Besar selepas baginda menaiki takhta negeri Selangor sebagai Sultan Selangor

ke-5. Adat mengelar tersebut telah diadakan pada 20 Oktober 1898 di Istana Jugra sebagaimana yang dicatatkan dalam Kenang-Kenangan Selangor (Wan Muhammad Amin, 2020:63-64):

*“...bahawa adalah sa-kalian orang2 yang bergelar itu di-kurniakan persalinan seluar dan baju serta bertelepok dan sa-telah selesai memakai persalinan di balai bawah, maka Yang Mulia Raja Haji Bot pun membachakan surat sumpah setia kepada delapan orang itu. Kemudian lalu di-jawab pula oleh orang2 di-gelar itu lepas sa-orang, sa-orang dan apakala telah selesai naik-lah semua-nya ka-balairong di mana Tuan British Resident telah sedia hadir. Sebentar lama-nya, kemudian daripada itu Duli Yang Maha Mulia pun berangkat dengan dengan jawatan daripada istana ka-Balairong berjabat tangan dengan Tuan Residen lalu Ka-Bawah Duli pun bersemayam di-kerusi. Tuan Residen duduk di-sabelah kiri dan sa-kalian anak raja2, pegawai2 serta orang2 ramai dudok berator maing2 pada taraf-nya. Maka Raja Haji Bot pun bangun berdiri membachakan surat gelaran. Yang pertama Haji Ahmad bin Babu di-gelar Dato’Penggawa Tua Paduka Maha Bijaya, ka-dua Enche Muhammad bin Abu Hasan di-gelar Dato’Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya, ka-tiga Haji Abdul Ghani bin Dato’ Maharaja Lela maka di-gelar Dato’ Maharaja Lela Setia Paduka, ka-empat Haji Ali bin Dato’ Bandar Muhammad Salleh di-gelar Dato’ Shahbandar Diraja, ka-lima Enche Soloh bin Wan Muhammad Saíd di-gelar Bentara Kanan Raja Diraja, ka-enam Enche Muhammad Amin bin Muhammad Saíd di-gelar Bentara Kiri Amar Diraja, ka-tujuh Enche Muhammad Piah bin Panglima Dalam Muhammad Tahir di-gelar Panglima Dalam dan ka-delapan Enche Mahmud bin Adam di-gelar Megat (Pengkulu Balai). Maka apakala selesai-lah bergelar itu, meriam pun di-pasang Sembilan das dan di-bunyikan pancharagam kerajaan. Kemudian sa-kalian orang2 yang digelar itu pun di-panggil tampil menjunjung duli lepas sa-orang, sa-orang dengan tertib Istiadat Menjunjung Duli ia-itu tiga kali mara, tiga kali undor ka-belakang dan memberi hormat kepada Tuan Residen dengan menundukkan kepala sampai pada tempat permulaan dudok pula mengangkat sembah, kemudian beredar ka-kanan lalu tutun berhenti di-balai bawah. Bahasa demikian-lah hal keadaan sa-kalian orang2 di-gelar itu.*

*Maka sa-telah selesai jamuan itu Yang Berhormat Tuan Residen pun bermohon balek dan pada malam-nya ia pun belayar- balek ka-Klang bersama2 dengan Yang Mulia Raja Haji Bot serta juga sa-kalian orang2 yang baharu bergelar itu, maka tujuh hari lama-nya kemudian daripada itu Ka-Bawah Duli berangkat balek ke Klang baharu-lah sa-kalian orang2 yang bergelar itu dating mengadap kerana telah memang teradat dari zaman purbakala tiada orang boleh berjumpa dengan raja di-dalam tempoh tujuh hari lama-nya lepas bergelar...”*

Tradisi mengelar pembesar kemudian diteruskan di era pemerintahan Sultan Hisamuddin Alam Shah (1938-1942 & 1945-1960). Namun, semasa pemerintahan Sultan Musa Ghiathuddin Riayat Shah (1942-1945) tidak diadakan adat mengelar kerana di era tersebut negeri Selangor di bawah jajahan Jepun, tetapi terdapat beberapa gelaran dikurniakan kepada pembesar antaranya Yamtuan Muda Selangor kepada Tengku Abdul Halim Shah, Tengku Maharaja Diraja kepada Tengku Abdul Aziz, dan dua Dato’ Kehormat kepada orang Jepun. Petikan akhbar *The Straits Times* bertarikh 5 Mei 1948, di halaman 8 yang bertajuk *Installation of Selangor's Major Chiefs* semasa pemerintah Sultan Hisamuddin Alam Shah;

*“...Four major chief of Selangor state will be ceremonially installed at Klang on Thursday week by the Sultan during his fiftieth birthday celebrations. The four chiefs are Tungku Haji Abdul Aziz (Tengku Orang Kaya Menteri, Klang), Inche Ismail bin*

*Dato Mat Sah (Penggawa Tua, Kuala Selangor), Inche Kamarudin bin Haji Ibrahim (Orang Kaya Maha Bijaya, Ulu Selangor) and Inche Yahya bin Dato Abdul Razak (Orang Kaya Maha Bijaya Kuala Lumpur). The last ceremonial installation of major chief of Selangor took place seven years ago... ”*

Demikian juga adat menggelar yang berlaku di era pemerintahan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (1960-2001) berdasarkan petikan akhbar Berita Harian bertarikh 15 Mac 1967, di halaman 10 yang bertajuk Tiga Dato Kehormat mengadap Sultan lepas Istiadat;

*“...Tiga orang Dato Kehormat negeri Selangor petang ini mengadap Sultan Selangor di Balairong Seri, Istana Alam Shah di sini. Mereka ialah Dato’ Mahamood Ambak (Dato Jaya Rakna; Dato Eric Taylor (Dato Kaya Derma) dan Dato’ Lee Teong Liew (Dato Kaya Muda). Ketiga-tiga itu mendapat kurnia Dato Kehormat dari Sultan Selangor bersempena hari ulang tahun keputeraan yang ke-41, hari Rabu minggu depan.*

*Mereka telah meninggalkan negeri Selangor selama satu minggu selepas sahaja menerima gelaran masing-masing minggu lalu.*

*Ini adalah menurut adat keturunan Raja Negeri Selangor yang mula di jalankan kira-kira 100 tahun lalu, sejak Sultan Abdul Samad, Sultan negeri Selangor ke-4.*

*Menurut adat tersebut sa-siapa yang mendapat kurniaan itu di-kehendaki meninggalkan negeri Selangor sa-lama satu minggu dan tidak boleh mengadap Sultan serta melihat bumbing istana.*

*Dato Mahmood Ambak, berusia 51 tahun, sa-orang pegawai kerajaan yang bersara dan sekarang menjadi pengarah beberapa buah sharikat perusahaan di kuala lumpur. Sementara itu, Dato Eric Taylor, berumur 49 tahun, ialah bekas akitek Majlis Bandaran Kuala Lumpur dan sekarang menjadi pengarah sharikat perusahaan.*

*Dato Lee Teong Liew, berumur 54 tahun, saorang ahli perniagaan dan tuan punya panggong wayang di Kepong... ”*

Seterusnya adat menggelar dilestarikan apabila Sultan Shaharuddin Idris Shah (2001-2021) menaiki takhta negeri Selangor, sebagaimana petikan akhbar *The Star* bertarikh 1 Mac 2005 yang bertajuk *Five Sworn in for Palace Duty*;

*Five newly appointed palace officials for Selangor were worn in at a ceremony steeped in tradition at Istana ALam Shah yesterday.*

*The Pengisytiharan Pemasyhuran Gelaran, or title proclamation cememony was conducted in all the pomp of the formal Malay Royal Tradition.*

*The swearing in ceremony is usually held after the actual appointment and can sometimes be held years later, depending on the Sultan’s wishes.*

*The glittering event held at the palace’s Balairung Seri (Main Hall) yesterday, saw the swearing in of Tengku Datuk Ramli Tengku Shahrudin Shah as Tengku Seri Wangsa Diraja and Raja Datuk Arshad Raja Tun Uda as Engku Setia Lela Bestari. Tengku Datuk Putra Tengku Azman Shah was conferred the title Tengku Indera Pahlawan Diraja and Raja Zaib Shah Raja Mohamad the title of Engku Seri Perdana. Aman Shah Mohd Shahar took the title of Dato’ Orang Kaya Maha Bijaya, also known as Orang Besar Daerah Hulu Selangor, as palace official for the district.*

*This title is conferred to palace representatives from the nine districts Selangor.*

*The last such ceremony was held in 1997, during the regin of the late Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.*

*Each of the newly appointed palace officials took the oath of loyalty to the Sultan and later paid homage (Menjunjung Duli) to him. The Sultan presented each of them with keris panjang, which is part of the state's royal regalia during the ceremony. With the keris panjang in hand, they were escorted out of the Balairung Seri. According to the ancient rituals, the newly appointed official are forbidden from turning back to see the Sultan's face. They also have to leave the state for seven days, a different ceremony will be held at the palace on Macrch 7, to welcome them back.*

Berdasarkan kepada sumber-sumber primer dan sekunder yang diterangkan mengenai penganugerahan gelaran ini, jelas menunjukkan keunikan adat menggelar di negeri Selangor berbeza, kerana melibatkan individu bukan beragama Islam. Adat menggelar di negeri Selangor ini, dapat dirumuskan mempunyai gabungan kebudayaan Bugis Luwu dan Melayu yang boleh dilihat pada hari ini. Sungguhpun, kekurangan sumber primer mengenai adat ini, namun dengan berbekalkan penceritaan dalam Kenang-Kenangan Selangor (Wan Muhammad Amin. 2020 : 63-64) sedikit sebanyak memberi gambaran jelas mengenai adat menggelar pembesar di negeri Selangor di era pemerintahan Sultan Alauddin Suleiman Shah (1898-1938) dan seterusnya diamalkan oleh Sultan-Sultan Selangor sehingga ke hari ini, dengan berlaku beberapa perubahan yang dibuat bersesuaian dengan peredaran waktu dan zaman. Demikian juga dengan pemberian persalinan yang merupakan salah satu budaya yang diamalkan oleh Kesultanan Melayu Melaka suatu masa dahulu bagi memperlihatkan taraf dan martabat kedudukan pembesar tersebut sebagaimana yang dicatatkan dalam Sejarah Melayu (1938: 85). Tuntasnya, perkembangan zaman telah membuatkan adat menggelar ini berlaku beberapa perubahan seiring dengan peredaran masa. Namun ianya masih mengekalkan keaslian dan ketinggian tatatusila dalam adat ini di negeri Selangor.

### **ISTIADAT MENJUNJUNG DULI DI NEGERI SELANGOR**

Dalam melayari arus kemodenan teknologi kini, adat Melayu purba masih lagi diamalkan dan turut dimasukkan dalam undang-undang bertulis bagi memperlihatkan kepentingan adat tradisi yang mempunyai nilai-nilai ketamadunan Melayu sejak zaman yang lalu. Sebagaimana dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor Fasal XXXVIII, Bab 5 ada menyebut "*Sultan ialah sumber bagi segala penghormatan dan kebesaran dalam negeri dan Baginda sahajalah yang boleh menganugerahkan gelaran dan kebesaran dan mewujudkan Darjah dan Pingat Penghormatan dan Kebesaran*". Demikian juga Fasal (2) Perkara LV, Bab 3 Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 memperuntukkan kuasa budibicara baginda Sultan mengenai perkara-perkara mengenai *pelantikan orang-orang untuk menyandang pangkat, gelaran, kehormatan dan kebesaran di sisi adat Melayu dan menetapkan fungsi-fungsi yang berkaitan dengannya*.

Malaysia mempunyai sembilan buah negeri beraja. Namun, hanya dua buah negeri sahaja yang mengamalkan Istiadat Menjunjung Duli dengan paluan nobat semasa berlangsungnya adat tersebut iaitu negeri Perak dan negeri Selangor. Di negeri Selangor, adat ini perlu dilalui oleh Raja Muda, Raja Bergelar, Orang-Orang Besar Istana, Orang Besar Daerah dan Dato'-Dato' Diraja. Menurut Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria (2013:57), bermula pentadbiran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj (Sultan Selangor kesembilan; 1960-2001), Pejabat Sultan Selangor merangkumi Sultan, Raja Muda, Orang Besar Negeri (OBN), Orang Besar Istana (OBI) dan Orang Besar Daerah (OBD) Selangor. OBN, OBI dan OBD dikategorikan dalam OBS Major. OBI turut mempunyai kategori berstatus OBS Minor. Namun kajian Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria (2013), tidak menjelaskan kedudukan dan Dato' Diraja yang wujud dalam Pejabat Sultan Selangor. Oleh demikian, hasil kajian mendapati bahawa Dato' Diraja yang dilantik, ada yang berada dalam status Orang Besar Negeri (OBN) dan ada juga dalam kategori Orang Besar Istana Minor serta memakai dua

pangkat gelaran. Contoh Dato' Jugra Kurnia Diraja (Tan Sri Syed Mohd Yusof bin Tun Syed Nasir) berada dalam Dewan Diraja Selangor dalam kategori Orang Besar-Besar. Manakala Tan Sri Dato' Paduka Raja Wan Mahmood Pawan Teh (Orang Besar Daerah), menyandang Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Gombak dalam masa yang sama menyandang Dato' Diraja dengan gelaran Dato' Paduka Raja.

Menurut Mohd Yusoff Hashim (2001:63), sejak pemerintahan Sultan Aleddin Suleiman Shah, 1898, telah dicipta penganugerahan Dato' Bergelar atau Dato' Kehormat Diraja. Namun berdasarkan kajian mendapati ianya telah wujud di era pemerintahan Sultan Abdul Samad (1857-1898). Contoh Tauke Yap Ah Loy, Kapitan Cina Kuala Lumpur (1868-1885) bergelar Sri Indra Perkasa Wijaya Bakti. Kemudian diteruskan di era pemerintahan Sultan Alauddin Suleiman Shah (1898-1938) pula dengan mengurniakan gelaran Dato' Setia Bakti kepada Lee Kong Lam pada 21 Disember 1920 dan F.W. Douglas sebagai Dato' Silawatang pada 23 Januari 1937. Manakala menurut Adat Istiadat Diraja Selangor (2002:10), semasa pemerintahan Sultan Hisamuddin Alam Shah telah memutuskan untuk mengadakan upacara rasmi bagi penyampaian anugerah atau gelaran tersebut dalam istiadat dan melalui upacara-upacara tertentu. Seseorang penerima anugerah Dato' ini di suruh mengangkat sumpah dan menjunjung duli untuk menerima sebilah keris panjang bagi orang Melayu yang dikurniakan oleh baginda Sultan. Orang bukan Melayu pula akan menerima sebilah pedang panjang dari baginda Sultan. Sejak daripada itu, pengurniaan gelaran Dato'-Dato' Diraja perlu melalui Istiadat Menjunjung Duli. Menurut Mohd Yusoff Hashim (2001:63), sesuai dengan corak jasanya, penerimanya berbangsa Melayu atau bukan, membawa gelaran, seperti Dato'Setia Bakti, Dato'Kurnia Diraja, Dato'Indera Pahlawan dan lain-lain. Ada kaedah dan tatacara tertentu, bercorak tradisional, yang harus dilakukan oleh penerimanya dan ianya tidaklah semudah anugerah ini diberikan. Kemudian hari, gelaran Dato' Kehormat telah diperkenalkan oleh Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (1960-2001) sebagai Dato' Diraja dan ianya kekal sehingga ke hari ini.

Manakala, bagi mereka yang menyandang jawatan Pegawai Menjawab Gelaran Istiadat tidak terlibat dalam Istiadat Menjunjung Duli dan mereka hanyalah menyandang jawatan kerana perkhidmatan di Pejabat Sultan. Sebagaimana yang tercatat dalam Sejarah Ringkas Pengurniaan Pangkat dan Pemasyharan Gelaran serta Istiadat Menjunjung Duli Pembesar Istana dan Daerah di Negeri Selangor Darul Ehsan 2005. Walaupun mereka mempunyai gelaran di sisi Istana seperti Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor, Dato' Pengelola Bijaya Diraja kepada Sultan Selangor, Dato' Lela Bakti Setiausaha Sulit kepada Sultan Selangor, Mualim Indera Wangsa, Al Fadil Imam Paduka, Dang Perwara.

Bersandarkan kepada huraian yang dikemukakan ini, jelas memaparkan bahawa Istiadat Menjunjung Duli di negeri Selangor merupakan sebuah adat menggelar pembesar yang di zahirkan secara bertulis dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959. Adat ini melibatkan paluan nobat iaitu satu alat muzik tradisional yang mempunyai lambang kebesaran dan adat ini akan dilalui oleh individu yang diberikan pangkat Raja Muda, Raja Bergelar, Orang-Orang Besar Istana, Orang Besar Daerah dan Dato'-Dato' Diraja. Bagi penyandang jawatan Pegawai Menjawab Gelaran Istiadat tidak terlibat dalam Istiadat Menjunjung Duli walaupun mereka mempunyai gelaran di sisi Istana.

## **KEBUDAYAAN DALAM ADAT MENGGELAR**

Dalam era kemodenan berkerajaan yang wujud pada hari ini, masih terdapat negeri-negeri Melayu beraja masih mengamalkan istiadat menggelar pembesar mengikut ketinggian kedaulatan sesebuah negeri itu. Sebagaimana yang dijelaskan di bahagian pengenalan, bahawa Kesultanan Selangor berdiri dengan perakuan bernobat daripada Negeri Perak. Pada zaman dahulu, adat menggelar pembesar tidak sama dengan yang ada pada hari ini. Namun, apabila sistem berkerajaan yang wujud pada hari ini mengamalkan sistem Raja Berpelembagaan, maka

seseorang yang akan menerima gelaran, akan terlebih dahulu menerima surat pelantikan gelaran yang dikenali sebagai warkah tauliah ataupun watikah dalam satu majlis yang akan disempurnakan oleh Sultan. Kemudian apabila diperkenankan oleh Sultan setelah berunding dengan Dewan Diraja Selangor bagi menetapkan satu tarikh yang sesuai untuk diadakan Istiadat Menjunjung Duli iaitu adat mengesahkan gelaran yang diberikan. Contoh Tengku Musahiddin Shah bin Tengku Panglima Besar Abdul Samad Shah Alhaj telah dilantik dan menerima watikah pelantikan sebagai Orang Besar Istana dengan gelaran Yang DiMuliakan Tengku Seri Perkasa Diraja pada 27 Jun 2016. Kemudian menjalani Istiadat Menjunjung Duli pada 17 Mac 2018. Demikian juga, D.Y.T.M Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah yang dilantik sebagai Raja Muda Selangor pada 3 Mei 2002 dan kemudian pada 8 Oktober 2016 menyempurnakan Istiadat Menjunjung Duli gelaran tersebut.

Keunikan adat menggelar pembesar di alam Melayu adalah sama pada hakikatnya suatu masa lalu, iaitu dengan pemberian persalinan. Namun dewasa ini, berlaku beberapa evolusi tetapi masih melestarikan pemberian persalinan dan beberapa elemen lain menyerap masuk dalam adat menggelar pembesar di negeri Selangor, jika hendak dibandingkan dengan adat asal yang masih kekal di amalkan di negeri Perak, sehingga ianya menjadi satu adat istiadat yang unik untuk diuraikan. Berdasarkan kepada pemerhatian yang dilalui sendiri oleh pengkaji yang menghadiri Istiadat Pemasyhuran Gelaran dan Mengangkat Sumpah serta Menjunjung Duli bagi Orang-Orang Besar Istana, Orang Besar Daerah dan Dato'-Dato'Diraja Selangor yang berlangsung pada 17 Mac 2018 di Istana Alam Shah, Klang, terdapat beberapa proses dalam Istiadat Menjunjung Duli di negeri Selangor sebagaimana yang dinyatakan dalam Rajah 1.



Rajah 1. Proses dalam adat menggelar di negeri Selangor.

Istiadat Menjunjung Duli di negeri Selangor berbeza dengan negeri Perak yang dikhususkan kepada yang beragama Islam sahaja tetapi di negeri Selangor melibatkan penerima gelar yang beragama Islam dan bukan yang beragama Islam. Tatacara Menjunjung Duli di negeri Selangor merupakan gabungan sosiobudaya daripada Bugis Luwu dan Melayu. Elemen Bugis Luwu yang boleh dilihat adalah lafaz taat setia memegang Lembing Sembuana, rujuk gambar 2 dan seni gerak dalam istiadat menjunjung duli, rujuk gambar 3. Manakala elemen Melayu melibatkan adat menyorok, menerima Keris Kuasa @ Bawar ketika menjunjung duli, rujuk gambar 4 dan istiadat mengadap dan menyembahkan persembahan, rujuk gambar 5 dan 6. Kebudayaan dalam adat menggelar di negeri Selangor, mengandungi adat dan tatatusila dengan paluan nobat yang akan dilalui oleh mereka yang bergelar Raja Muda, Raja Bergelar, Orang-Orang Besar Istana, Orang Besar Daerah. Paluan nobat dimainkan dengan lagu "Lenggang Cik Kobat", dipalu semasa Istiadat Menjunjung Duli bagi Raja-Raja

dan Tengku-Tengku dan Pelantikan Raja Muda sahaja. Ia dipalu pada waktu pergi dan balik dari Balairong Seri (Adat Istiadat Diraja Selangor, 2002:67). Nobat hanya boleh di mainkan oleh Orang Kalur. Menurut Tengku Muhammad Yusof (2013) pula, dahulu apabila Nobat negeri Selangor ketika hendak dimainkan, maka orang Kalur yang berada di Kampong Gajah, Bota akan di jemput untuk datang ke negeri Selangor dan selepas selesai memainkan nobat mereka akan pulang semula ke negeri Perak. Semasa era pemerintahan Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah, mereka menghuni terus di kompleks Istana Alam Shah, Klang, diberikan elaun tetap oleh kerajaan Negeri (Mohd Yusoff Hashim. 2001:56).



Gambar 2 : Mengangkat sumpah bersaksikan peribadi.



Gambar 3 : Seni Gerak Menjunjung Duli. Lembing Koleksi Sembuana. Koleksi peribadi.



Gambar 4 : Menerima keris kuasa. Koleksi peribadi.



Gambar 5 : Mengadap setelah sempurna adat menyorok, persalinan kehormatan keris kebesaran. Koleksi peribadi.



Gambar 6 : Menyembahkan Persembahan. Koleksi peribadi.

Naratif berkenaan adat yang terkandung dalam Istiadat Menjunjung Duli di negeri Selangor adalah pelbagai. Adat lafaz sumpah bersaksikan lembing Sembuana boleh dilihat di gambar 2 dan adat ini dianggap sebagai persumpahan taat setia kepada Raja dan negeri Selangor. Bertepatan dengan lembing Sembuana sebagai senjata utama di negeri Selangor. Menurut Mohd Yusoff Hashim (2001:57), pihak yang berikrar dikehendaki memegang lembing tersebut, sambil melafazkan ikrarnya. Adat ini mengimbau kembali ikrar Opu Bugis Lima bersaudara sebagaimana yang dicatatkan oleh Raja Ali Haji (1982: 69, 70) di dalam Tuhfat al-Nafis mengenai peristiwa Opu Bugis Lima Bersaudara bangkit menghunus keris mengaruk-aruk dan berkanjar-kanjar diikuti dengan ikrar Daeng Marewah, apabila menerima surat dari Raja Sulaiman memohon bantuan mengambil takhta kerajaan Johor daripada Raja Kechil. Lembing (tombak) di perbuat daripada besi khursani yang dipercayai memiliki semangat yang

kuat dan tuah dari sembilan wilayah di bawah pemerintahan Sultan Ibrahim. Nama lembing Sembuana ini diperoleh daripada dua perkataan iaitu ‘Sembilan Buana’ yang diringkas kepada Sembuana. Manakala perkataan buana berasal dari perkataan Melayu klasik membawa maksud alam, dunia atau jagat dan dari situlah nama Sembuana diperoleh. Seni gerak dalam menjunjung duli memperlihatkan kepahlawanan leluhur Raja Pemerintah negeri Selangor yang berasal dari Luwu (Bugis).

Adat menjunjung duli mengandungi tarian bentuk badan dalam memperlihatkan keperkasaan penerima gelaran yang akan mengadap bagi menerima pangkat kehormatan dalam menumpahkan taat setia kepada rajanya. Kerana itu dalam adat ini penerima gelaran akan menerima keris kebesaran ataupun lebih dikenali sebagai Keris kuasa ataupun Bawar daripada Sultan lalu disambut oleh Orang Besar itu dengan kedua tangannya dan dicium sarung bawar tersebut. Barang siapa yang sedang Menjunjung Duli dalam adat bergelar itu tidak boleh memasang senjata ditubuhnya.

Menurut Raja Kobat Salehuddin (2016), pola perlakuan menjunjung duli di antara negeri Selangor dan Perak mempunyai berbezaan. Walaupun hakikatnya adat ini berasal daripada negeri Perak. Di negeri Perak, Raja-raja yang bergelar dan Orang-orang Besar Berempat, Orang Besar Berlapan masing-masing ada Bawar yang dianugerahi Raja sebilah keris kerajaan turun temurun yang tertentu. Apakala penyandangannya meninggal dunia, maka bawar itu akan diserahkan kembali dengan beradab kepada Raja seperti adatnya yang tertentu.


Selepas sempurna adat menjunjung duli, maka penerima gelaran akan di bawa keluar daripada Balairong Seri dan keluar daripada negeri Selangor serta menjalani adat menyorok. Adat ini adalah istiadat yang berakar umbi dari negeri Perak, tempoh menyorok adalah tujuh hari. Ketika adat ini berkuatkuasa, terdapat pantang larang yang perlu dipatuhi dan jika tidak dipatuhi akan membawa musibah kepada penerima gelaran tersebut. Semasa tempoh pantang ini tidak boleh sekali-kali penerima gelaran memandang wajah gambar Rajanya atau gambar-gambar istana Selangor dan sebagainya. Maka pada dewasa ini, jika ingin membaca surat khabar, para pengapit seorang dua yang turut menemani “lari” perlu memeriksa akhbar-akhbar tersebut, demi mengelakkan sekiranya ada gambar-gambar yang dilarang tersiar. Begitu juga apabila menonton televisyen. Oleh itu demi keselamatannya, tidak boleh orang yang menjunjung duli itu digalakan melihat siaran televisyen mahupun mendengar radio. Hal ini demikian kerana risikonya adalah terpulang kepada yang empunya diri. Menurut Raja Abdul Hamid (2013), pernah berlaku dua peristiwa Dato’ Diraja yang menerima gelaran telah melanggar pantang larang semasa dalam adat menyorok, akibat daripada melanggar pantang larang tersebut membawa musibah kepada mereka.

Selepas sempurna adat menyorok selama tujuh hari, maka penerima gelaran akan mengadap Sultan dan menyembahkan persembahan. Mengikut sejarah dan resam, dalam persumpahan janji berbakti, hakikatnya ialah dia bersumpah tidak akan kembali malah menjadi ‘aib’ dia memandang wajah Rajanya, selagi pembesar itu tiada “berjaya” menakluk ataupun memperolehi kemenangan dalam memperluaskan pengaruh peribadinya dan imej Rajanya. Menurut Raja Kobat Salehuddin (2016), latar belakang riwayat istiadat ini berbalik kepada sejarah kebudayaan di Asia Tenggara iaitu sejarah Suvarnavipa @ Yavadvipa dalam Pola memperluaskan penaklukan dalam melaksanakan ekspedisi penaklukan @ Digvijaya. Menurut Raja Abdul Hamid (2013), beliau telah melalui tiga kali adat menggelar kerana menerima tiga gelaran dari Sultan iaitu Engku Panglima Perang Kiri Setia Diraja, kemudian Engku Kechil Tengah Selangor dan akhir sekali adalah Engku Maha Kurnia Bijaya Sri Amar Diraja. Berdasarkan kepada penerangan Raja Abdul Hamid, maka dapat dinyatakan bahawa setiap kali gelaran yang dikurniakan oleh Sultan, perlu melalui adat menggelar.

## PERUBAHAN STRATIFIKASI SOSIAL PENERIMA GELARAN DALAM MASYARAKAT SELANGOR

Ketidaksamaan kelas dalam masyarakat Melayu tradisional dapat dilihat melalui perbezaan hierarki daripada peringkat atas hingga bawah berdasarkan kelas yang berlaku dalam masyarakat. Jika zaman dahulu, sistem stratifikasi sosial lebih bersifat tertutup dan pembatasan dalam perubahan kedudukan seseorang dari suatu lapisan ke lapisan sosial lain. Lazimnya bersifat keturunan. Namun pada dewasa ini, boleh dinyatakan sistem sosial yang bersifat terbuka ini, setiap anggota masyarakat mempunyai kesempatan untuk berusaha dengan kemampuannya sendiri masuk ke kelas tertentu atau malah turun ke lapisan di bawahnya. Menurut Ahmad Farhan Abdullah Zakaria & Mohd. Samsudin (2019:72), setelah Selangor dibentuk secara berdaulat, baginda merupakan tokoh bertanggungjawab dalam membentuk istilah raja dan orang besar Selangor yang juga dikenali sebagai waris negeri Selangor. Pandangan Orang Besar Selangor oleh Ahmad Farhan Abdullah Zakaria & Mohd. Samsudin (2019:72) adalah kurang tepat kerana Waris Negeri Selangor hanya boleh ditakrifkan kepada keturunan Raja Lumu daripada benih lelaki sahaja yang berhak ke atas takhta kerajaan Selangor. Tiada berhak seseorang pembesar itu ditarifikan sebagai Waris Negeri Selangor kerana itulah adat orang Melayu dalam memelihara hubungan antara pemerintah dan yang diperintah sejak zaman berzaman.

Perbincangan mengenai perubahan stratifikasi sosial penerima gelaran dalam masyarakat selangor akan banyak menyentuh mengenai penerima gelaran melibatkan kategori Orang Besar Daerah dan Dato' Diraja. Kelaziman Orang Besar Istana adalah daripada kalangan keturunan Diraja, manakala Orang Besar Negeri tidak melibatkan adat menggelar terutamanya ahli Dewan Diraja Selangor. Gambaran mengenai stratifikasi di Istana Selangor seperti di rajah 2. Penerima gelaran akan membentuk satu manifestasi ketidaksamaan sosial dalam masyarakat dan secara tidak langsung meningkatkan statusnya di lapisan prestij. Secara umum, mobiliti sosial yang berlaku di dalam sistem kelas mampu merubah seseorang individu untuk berjaya dan memperolehi prestij berbekalkan usaha dan kegigihan serta nasib yang menyebelahnya.



Rajah 2 : Stratifikasi sosial berdasarkan kajian di Istana Selangor.

Sebagaimana perkembangan sistem sosial di peringkat istana Selangor melibatkan jawatan Orang Besar Daerah yang pada asalnya dipegang oleh golongan aristokrat Melayu Selangor dan kemudian di jawat oleh kalangan rakyat biasa. Perkembangan ini boleh dilihat

dalam empat fasa pemerintahan Sultan Selangor bermula daripada Sultan Selangor ke-5 hingga ke-9.

Fasa pertama, sekitar tahun 1900 hingga 1938 di bawah pemerintahan terdapat lima (5) orang Orang Besar Daerah yang di pegang oleh golongan aristokrat Melayu Selangor, iaitu Dato'Penggawa Tua Permatang Paduka Maha Bijaya Kuala Selangor, Dato' Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya Kuala Langat, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Klang, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Ulu Selangor, dan Dato' Orang Kaya Tok Ungku Maha Bijaya Ulu Langat.

Fasa kedua, di bawah pemerintahan Sultan Hisamuddin Alam Shah, (1938-1942 dan 1945-1960, Sultan Selangor ke-6), ditambah dua jawatan iaitu pada tahun 1947 bagi Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Kuala Lumpur dan tahun 1960 pula Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Sabak Bernam menjadikan ianya sebanyak tujuh (7) daerah.

Fasa ketiga di bawah pemerintahan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, (1960-2001, Sultan Selangor ke-8), ditambah tiga jawatan iaitu pada tahun 1974 bagi Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Petaling dan Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Gombak dan tahun 1975 bagi Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Sepang menjadikan ianya sembilan (9) daerah di bawah Negeri Selangor. Kewujudan daerah Petaling dan Gombak susulan penyerahan wilayah Kuala Lumpur kepada Kerajaan Persekutuan bagi dijadikan Ibu Negara Malaysia pada 1 Februari 1974 dan semenjak itu tiada lagi Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Kuala Lumpur. Menurut Tengku Sulaiman Shah (2021), tanah kampung baru Kuala Lumpur merupakan identiti negeri Selangor yang tenggelam dalam arus kemodenan dan tanah perkuburan islam Jalan Ampang turut menjadi saksi terletaknya Makam Raja Laut (Raja Muda Selangor) dan Raja Mahmud.

Fasa keempat di bawah pemerintahan Sultan Sharafuddin Idris Shah (2001-2021, Sultan Selangor ke-9), perkembangan sistem sosial semakin mencabar dalam memastikan sembilan daerah di dalam negeri dapat di peringkat istana Selangor melibatkan jawatan Orang Besar Daerah yang pada asalnya dipegang oleh golongan aristokrat Melayu Selangor dan kemudian di jawat oleh kalangan rakyat biasa yang mempunyai karisma. Di era kini, sistem bersifat terbuka, memberi perangsang yang lebih besar kepada anggota masyarakat untuk dijadikan landasan pembangunan masyarakat daripada sistem tertutup.

Berkenaan perubahan mobiliti sosial kepada individu yang diberi gelaran di sisi istana ini, secara tidak langsung akan akan mengalami perubahan mobiliti sosial secara menegak dalam stratifikasi sosial masyarakat di negeri Selangor. Gambaran yang jelas boleh dilihat pada Jadual 2 mengenai perubahan mobiliti sosial tersebut terhadap kaum kerabat dan rakyat apabila diberi gelaran. Perubahan mobiliti sosial ini lazimnya berkekalan sehingga ke akhir hayat melainkan jika penerima gelaran meletakkan jawatan atas faktor-faktor kesihatan. Sebagai contoh Raja Dato' Uzair bin Tengku Zainon Rashid, Orang Besar Daerah Kuala Langat menyandang gelaran Y.D.M Engku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya Kuala Langat meletakkan jawatan atas faktor kesihatan pada 29 September 2015.

SEBELUM BERGELAR	PERUBAHAN STATUS		
	Setelah bergelar	Gelaran	Jawatan
Yang Mulia Tengku Musahiddin Shah bin Tengku Abdul Samad	Yang DiMuliakan Tengku Musahiddin Shah bin Tengku Abdul Samad	Yang DiMuliakan Tengku Seri Perkasa Diraja	Orang Besar Istana
Yang Mulia Syed Haizam Hisamuddin Putra Jamalullail	Yang DiMuliakan Syed Haizam Hisamuddin Putra Jamalullail	Yang DiMuliakan Engku Panglima Setia Diraja	Orang Besar Istana

Yang Berbahagia Dato' Emran bin Kadir	Yang DiHormati Dato' Emran bin Kadir	Yang DiHormati Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Petaling	Orang Besar Daerah
Yang Berbahagia Dato' Mohd Effendi bin Abdullah	Yang DiHormati Dato' Mohd Effendi bin Abdullah	Yang DiHormati Dato' Kurnia Bakti Diraja	Dato' Diraja
Yang Berbahagia Dato' George Stewart LaBrooy	Yang DiHormati Dato' George Stewart LaBrooy	Yang DiHormati Dato' Setia Pekerti Diraja	Dato' Diraja

Jadual 2 : Perubahan mobiliti sosial penerima gelaran berdasarkan Istiadat Pemasyhurah Gelaran dan Mengangkat Sumpah serta Menjunjung Duli bagi Orang-Orang Besar Istana, Orang Besar Daerah dan Dato'-Dato' Diraja Selangor yang berlangsung pada 17 Mac 2018 di Istana Alam Shah, Klang.

Berdasarkan kepada pelantikan golongan pembesar di negeri Selangor yang melibatkan individu yang bukan dalam kategori aristokrat Melayu Selangor asal. Maka pelantikan mereka ini akan menyebabkan berlakunya perubahan sosial dan mobiliti sosial secara menegak yang mengiktiraf mereka secara sah sebagai aristokrat Selangor sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual 2. Aristokrat Melayu Selangor asal yang dimaksudkan adalah Dato' To' Ungku Hulu Langat, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Klang dan Dato' Penggawa Permatang Maha Bijaya Kuala Selangor yang menyandang jawatan Orang Besar Daerah. Menurut To' Engku Abdul Jalil (2014), jawatan Orang Besar Daerah Hulu Langat, masih lagi diberi kepercayaan oleh Sultan Selangor untuk keturunan To' Engku Klang menjadi wakil baginda di daerah berkenaan. Manakala Daerah lain seperti Kuala Langat, Hulu Selangor, Sabak Bernam, Gombak, Petaling dan Sepang akan dipilih dikalangan individu yang mempunyai kriteria yang ditetapkan oleh pihak Istana dan apabila berlaku kekosongan jawatan Orang Besar Daerah.

Berkenaan pelantikan dan pemilihan Orang Besar Negeri, Orang Besar Istana, Orang Besar Daerah dan Dato' Diraja adalah di atas budibicara dan perkenan Sultan setelah berunding dengan Dewan Diraja. Dari segi pelantikan dan kriteria bakal Orang Besar Daerah ini dibuat melalui dua kaedah iaitu pertama pemilihan oleh Sultan dan kedua melalui temuduga. Lazimannya, hebahan mengenai permohonan jawatan ini akan dibuka kepada waris dan kerabat serta orang biasa yang berminat untuk memohon jawatan tersebut. Pemohon perlu mengemukakan surat iringan dan latarbelakang untuk perhatian Setiausaha Dewan Diraja Selangor. Kemudian apabila calon-calon yang telah melepasi tapisan awal akan dipanggil untuk menghadiri temuduga. Menurut Dato' Mohamad Yaakob (2018), beliau telah ditemuduga oleh Y.A.M Tengku Aris Temenggong Selangor yang merupakan salah seorang penal temuduga bagi jawatan Orang Besar Daerah Kuala Selangor semasa beliau memohon kekosongan jawatan tersebut. Manakala menurut Tengku Jamaluddin (2017) pula, beliau tidak memohon jawatan Orang Besar Daerah, sebaliknya dipilih dan dilantik oleh Sultan sendiri dan tidak melalui proses temuduga bagi jawatan Orang Besar Daerah tersebut. Demikian juga, pemilihan Dato' Kehormat berdasarkan kepada prestasi mereka yang terpilih. Kebanyakan mereka yang dipilih adalah terdiri daripada ahli-ahli perniagaan yang berjaya dan individu yang banyak memberikan sumbangan kepada masyarakat. Secara umum, anugerah yang diberikan oleh Sultan Selangor mempunyai dua jenis iaitu Dato' Diraja dan Dato' Bintang yang anugerah tersebut mempunyai perbezaan dari segi nama dan tatacara kurniaannya. Penerima anugerah Dato' Diraja lebih terikat kepada peraturan adat yang telah ditetapkan. Adat ini juga hanya berlaku di negeri Selangor sahaja dan tidak wujud gelaran sedemikian di lain-lain negeri yang ada di dalam negara Malaysia kini.

Keistimewaan penyandang pangkat Orang Besar Daerah adalah menjadi Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di daerah masing-masing, berhak menggunakan jata Orang Besar Daerah di kenderaan rasmi, boleh dilantik sebagai Ahli Dewan Diraja, mempunyai persalinan kehormatan, menghadiri majlis rasmi Istana, keistimewaan alat-alat jejawat Istiadat Kemangkatan Orang Besar Negeri atau Waris atau Kerabat atau Orang Besar Istana atau Orang Besar Daerah atau Dato' Diraja, rujuk jadual 3 dan menerima elaun daripada kerajaan negeri.

Alat-Alat Jejawat Istiadat Kemangkatan	MOBILITI SOSIAL			
	Orang Besar Negeri	Waris/ Kerabat Putera Puteri Sultan Suleiman	Cucuanda Raja Yang Memerintah/ Orang Besar Istana	Orang Besar Daerah
Payung Ubor-Ubor Kuning	6	4	2	2
Bandang	2	2	2	2
Leming	2	2	2	2
Pedang Panjang	2	2	2	
Payung	Tiada	Tiada	Tiada	Merah berambu kuning
Kusyen	Berwarna Kuning	Berwarna Kuning	Berwarna Kuning	Berwarna Merah
Tembakan Meriam	5 Das. Tertakluk perkenan DYMM Sultan	Tiada	Tiada	Tiada
Usung	Berwarna Kuning	Berwarna Kuning	Berwarna Kuning Warna Putih hiasan kuning	Berwarna Kuning

Jadual 3 : Keistimewaan Alat-Alat Jejawat Istiadat Kemangkatan Orang Besar Negeri atau Waris atau Kerabat atau Orang Besar Istana atau Orang Besar Daerah atau Dato' Diraja. Sumber Buku Adat Istiadat Diraja Selangor 2002.

Dalam pola adat menggelar pembesar sejak zaman dahulukala lagi, dilihat mempunyai persamaan iaitu pemberian persalinan dan dipakai oleh pembesar itu dengan pelbagai perhiasan mengikut martabat penerima gelaran dalam memperlihatkan ketinggian darjat pembesar tersebut di sisi istana dan negeri. Dewasa ini adat menggelar pembesar tidak seperti dahulu. Namun pengekalan pemberian persalinan masih diteruskan sehingga ke hari ini. Setiap mereka yang menyandang gelaran perlu mematuhi peraturan Istiadat Pakaian Kehormatan Melayu, ianya mempunyai maksudnya yang tersendiri bagi memperlihatkan taraf dan perbezaan martabat mereka. Justeru, tidak dibenarkan pembesar itu memakai selain daripada yang dikhaskan. Gambar 7 di bawah memperlihatkan pemakaian yang dikhaskan kepada Orang Besar Daerah iaitu pakaian berwarna biji kundang, berbaju kepek benang emas corak bunga tabur, berseluar benang emas bercorak bunga tabor, bertengkolok benang emas bersolek, berkain pencong benang emas corak jong sarat, berbengkung benang emas corak jong sarat dan berkeris. Begitu juga pakaian kehormatan kepada Dato' Diraja yang menerima gelaran. Menurut Tengku Muhammad Yusof (2013), semasa beliau menerima pangkat gelaran Tengku Aris Temenggong pada tahun 1937, beliau telah dikurniakan persalinan semasa menerima

gelaran tersebut dan gelaran tersebut dipilih oleh abangnya iaitu Tengku Musa Uddin (Tengku Putra Mahkota, 1903-1920, Raja Muda Selangor, 1920-1934, Tengku Kelana Jaya Putera, 1936-1942 dan 1945-1955, Sultan Selangor ke-7, 1942-1945) selaku Ketua Adat Istiadat dan Agama Islam dan diperkenankan oleh Sultan Selangor.

Mengikut sejarah mengenai peraturan pakaian adat istiadat Negeri Selangor yang dibuat semasa pemerintah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (1960-2001) berkenaan Pakaian Adat Istiadat Negeri Selangor yang umumkan oleh Penghulu Adat Istiadat Diraja Selangor (Tengku Sri Andika Diraja Selangor, Tengku Shaharuddin Shah) yang menyebut bahawa peraturan pakaian itu diwajibkan dalam adat istiadat di istana Negeri Selangor.



Gambar 7: Orang Besar Istana (Persalinan Merah Hati), Orang Besar Daerah (Persalinan berwarna Biji Kundang) dan Dato' Diraja (Pakaian Dres No. 1 bersongkok) memakai pakaian kehormatan rasmi selepas menyempurnakan Istiadat Menjunjung Duli sempena Pengisytiharan dan Pemasyhuran Gelaran. Foto ihsan Y.D.M Tengku Orang Kaya Maha Bijaya Sepang, Tengku Dato' Dr. Jamaluddin.

## KESIMPULAN

Adat menggelar membentuk perubahan stratifikasi sosial masyarakat Selangor jelas merupakan satu kebudayaan dalam memperlihatkan ketinggian tamadun Melayu dalam era kemodenan. Perubahan mobiliti sosial kepada mereka yang menerima gelar dapat dilihat dengan jelas melalui keistimewaan penerima gelaran pangkat Orang Besar Daerah dan Dato' Diraja dikalangan rakyat biasa kini. Jika zaman dahulu, sistem stratifikasi sosial lebih bersifat tertutup dan pembatasan dalam perubahan kedudukan seseorang dari suatu lapisan ke lapisan sosial lain. Lazimnya bersifat keturunan. Namun pada dewasa ini, boleh dinyatakan sistem sosial yang bersifat terbuka ini, setiap anggota masyarakat mempunyai kesempatan untuk berusaha dengan kemampuannya sendiri masuk ke kelas tertentu atau malah turun ke lapisan di bawahnya.

Tuntaskan, peruntukan undang-undang ini memperkukuh dan melestarikan adat istiadat Melayu Selangor dalam merentasi zaman dan era modenisasi yang kian berkembang dan maju dalam dunia sejagat ini. Secara tidak langsung membentuk mobiliti sosial dalam masyarakat yang wujud dalam sesebuah negeri mahupun negara yang mengamalkan sistem beraja. Kesimpulannya stratifikasi sosial adalah perbezaan individu atau kelompok dalam masyarakat yang menempatkan seseorang pada kelas-kelas sosial yang berbeza secara hierarki dan memberikan hak dan kewajipan yang berbeza-beza antara individu pada kelompok masyarakat yang lainnya.

## RUJUKAN

- Abdul Kadir N.C Mohamad. 2019. *Batu Tarsilah: Peranan Istana Sebagai Skriptoria Salasilah Kesultanan Brunei Pada Abad Ke-18 dan 19* dalam Prosiding Seminar Majlis Ilmu 2019. Manuskrip Islam Mercu Tanda Ketamadunan Umat. Pusat Sejarah Brunei, Negara Brunei Darussalam. halaman 30.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 1999/2000. *Institusi Kesultanan Selangor*. Seri Alam 5 : 59-77.
- Ahmad Farhan Abdullah Zakaria & Mohd. Samsudin. 2019. *Pembentukan Istilah dan Stratifikasi Aristokrat Melayu Selangor Era Sultan Salehuddin, Sultan Selangor Pertama, 1766-1782*. Akademika 89(2), Julai 2019.
- Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria. 2018. *Memohon jawatan Orang Besar Selangor 1898-1938*. halaman 128. Dalam Pemerintahan Beraja di Alam Melayu Merentas Zaman, (editor) Ramlah Adam. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria. 2012. *Pentadbiran Mukim di Klang, 1874-1942 : Tugas dan Penglibatan Penghulu*. Purba, 31, 29-57.
- Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria. 2013. *Menyelusuri Jawatan Raja Bergelar dan Orang Besar Selangor dalam Pentadbiran Raja Selangor, 1766-1942*. Purba, 32, 54-93.
- Ala'uddin Suleiman Shah. 1928. *Peranan Peraturan Nasihat Bagi Ikatan Raja-Raja dan Panduan Orang Besar*. Klang.
- Barbara Watson Andaya. 1974. *The Installation of the first Sultan of Selangor in 1766M* dalam JMBRAS, vol.XLVII, Pt. 1.
- Buku Panduan Istana. *Buku Peranan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor*, halaman 3.
- Buyong Adil. 1981. *Sejarah Selangor*, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Draf buku Adat Istiadat Diraja Selangor. Disember 2002. (Milik Y.A.M. Tengku Aris Temenggong – Tengku Dato' Setia Muhammad Yusof ibni Almarhum Sultan Alaeddin Suleiman Shah – Penasihat Adat istiadat Diraja Selangor).
- J. M. Gullick, 1998. *A History of Selangor 1766-1939*. Kuala Lumpur: Falcon Press.
- Jabatan Penerangan Selangor. 1961. *Buku Cenderamata Pertabalan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah*, 28 Jun 1961. Kuala Lumpur. Bahan dalam buku cenderamata ini dikumpul oleh Y.D.M Engku Panglima Raja – Raja Nong bin Raja Husin.
- Jelani Harun. *Asal-Usul Raja, Negeri dan Adat Istiadat Kesultanan Perak: Beberapa Variasi dalam Pengekalan dan Penyimpangan Sumber Tradisi* dalam Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation 29(1) (2011):3- 353. Hlm. 8.
- Kamus Dewan Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, cet. 4, 2010
- Khoo Kay Kim, 1985, "Raja Lumu/ Sultan Salehuddin in The Founding Of The Selangor Dynasty" JMBRAS. Vol. 58, pt. 2.
- Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Tahun 2019. 29 Julai 2019 dan 31 Julai 2019 di akses di laman sesawang <http://dewan.selangor.gov.my/question/orang-besar-daerah/>
- Mohd Yusoff Hashim. 2001. *Dari Luwu' ke Darul Ehsan : Kesultanan Selangor*. Kolej Islam Melaka. Melaka.
- Muhamad Adha Abd Jalil. 2021. *Sultan Ala'uddin Suleiman Shah – Payung Kesentosaan Negeri Selangor*. Akademi Jawi Malaysia. Kuala Lumpur.
- Paiman Keromo. *Sejarah Adat Istiadat Kesultanan Negeri Selangor*. 21 Januari 1989. Rumah Universiti, Universiti Malaya Kuala Lumpur. Kertas kerja 6. Kolokium Sejarah Selangor Darul Ehsan – Sejarah dalam proses pembangunan.
- Peter Slim, *Kamus Bahasa Indoensia Kontemporer*, (Jakarta: Modern English Press, 1995), 36
- R. O. Winstedt. (1934). "A History of Selangor". Journal of the Malayan Branch. Vol. XII, Pt. III.

- R. O. Winstedt. (1938). *the Malay Annals of Sejarah Malaya*. Journal of the Malayan Branch. VOL. XVI, Pt III.
- Raja Ali Haji. 1982. *Tuhfat al-Nafis*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Raja Chulan ibni Raja Hamid. 1963. *Misa Melayu*. Astaka Antara. Kuala Lumpur.
- S. M. Middlebrook, J. M. Gullick and C. A. GIBSON-HILL. *Yap Ah Loy (1837-1885)*. Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society. Vol. 24, No. 2 (155), Yap Ah Loy (1837-1885) (July, 1951), pp. 1-127 (127 pages). Published By: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
- Sidi Gazalba, *Pengantar Kebudayaan*. (Jakarta: Pustaka Antara, 1968), 119.
- SP. 79/2, *Sejarah Dato' Ungku Kelang Dengan Negeri Selangor*. Salinan yang diberikan oleh Y.D.H To' Engku Abdul Jalil bin To' Engku Abdul Rani.
- SP. 79/3, *Memorial Presented On Behalf Of His Highness Tungku Badar Shah, Tungku Panglima Besar Of Selangor, Concerning His Right And Claim To Be Appointed Raja Muda Of Selangor*.
- SP.212/24/1. *Arkib Negara Malaysia. Peratoran Adat Istiadat Bersiram Tabal serta Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Musa Ghiathuddin Riayat Shah, Sultan Selangor*, 4 November 1943.
- SSF/Malay Miscellaneous 3071/1895, *Peraturan Kerajaan Selangor Darul Ehsan*, Arkib Negara Malaysia.
- Syed Alwi Sheikh Al-Hadi. 1960. *Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu*. Dewan bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959*. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
- Wan Muhammad Amin bin Wan Muhammad Said., *Kenang-Kenangan Selangor*, suntingan Mardiana Nordin, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan. 2020.
- Zainal Abidin Borhan, 2020. "Adat dan Budaya dalam Kenang-kenangan Selangor", dalam Mardiana Nordin dan Arba'iyah Mohd Noor (ed.), *Siri Kajian Naskhah Kesultanan Melayu - Kesultanan Melayu Selangor*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. hlm. 242-263.
- Dato' Mohamad Yaakob bin Dato' Ismail, Dato' Penggawa Permatang Maha Bijaya Kuala Selangor, Orang Besar Daerah Kuala Selangor, 2005-kini. 2018. Cafe Kopitiam, Pekan Kuala Selangor. Temubual, 16 Januari 2018.
- Raja Dato' Abdul Hamid bin Raja Haji Nong, Engku Maha Kurnia Sri Amar Diraja, Orang Besar Istana, 2005-kini. 2017. Kediamannya di Bukit Tinggi, Klang. Temubual, 20 Julai 2013.
- Raja Kobat Salehuddin ibni Almarhum Raja Muda Musa, Waris Negeri Perak dan Pakar Adat Istiadat Seri Saguntang. 2016. Kediaman Taman Melawati. Tembual, 20 Mac 2016,
- Tengku Dato' Dr. Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah, Tengku Orang Kaya Maha Bijaya Sepang, Orang Besar Daerah Sepang, 2005-kini. 2017. Kediaman Rasmi YDM Tengku Orang Kaya Maha Bijaya Sepang. Temubual, 16 Mei 2017.
- Tengku Dato' Setia Muhammad Yusof Shah ibni Almarhum Sultan Alauddin Suleiman Shah, Tengku Aris Temenggong Selangor, Anak Raja Bergelar, 1937-2018. 2010. Kediamannya di Kampong Istana, Klang. Temubual, 17 Mac 2013.
- Tengku Dato' Setia Ramli bin Tengku Shaharuddin, Tengku Sri Wangsa Diraja, Orang Besar Istana, 2005-kini. 2021. Kediamannya di Seksyen 9, Shah Alam. Temubual, 20 April 2021.
- Tengku Muhammad Yusof Shah ibni Almarhum Sultan Alauddin Suleiman Shah, Tengku Aris Temenggong Selangor, Anak Raja Bergelar, merangkap Penasihat Adat Istiadat Diraja Selangor, 1937-2018. 2013. Kediamannya di Kampong Istana Alam Shah, Klang. Temubual, 17 Mac 2013.

- Tengku Sulaiman Shah Alhaj adalah Tengku Laksamana Selangor merangkap Ketua Adat Istiadat Diraja Selangor di Pejabat Kelana Jaya pada 8 September 2021.
- To' Engku Abdul Jalil bin To' Engku Abdul Rani, Dato' Orang Kaya To' Engku Hulu Langat, Orang Besar Daerah Hulu Langat di Pejabat Orang Besar Daerah Hulu Langat, Bangi pada tahun 2014.
- The Star. 3 Mac 2005. Five Sworn in for Palace Duty. <https://www.thestar.com.my>
- Malaya Tribune, 7 February 1931, halaman 7. *Death of Dato Lee Kong Lam, J.P* yang di akses di laman sesawang <https://eresources.nlb.gov.sg>
- The Straits Times, 5 May 1948, Page 8. *Installation of Selangor's Major Chiefs*. <https://eresources.nlb.gov.sg>
- Berita Harian, 22 August 1959, halaman 2. *PARAS Bela Keturunan Di-Raja* yang di akses di laman sesawang <https://eresources.nlb.gov.sg>
- Berita Harian, 30 June 1961, halaman 1, *Anugerah untok pembesar-pembesar* yang di akses di laman sesawang <https://eresources.nlb.gov.sg>
- Berita Harian, 14 April 1965, Page 5. *Upachara Junjong Duli di-Istana Perak*, <https://eresources.nlb.gov.sg>
- Berita Harian, 15 March 1967, halaman 10, *Tiga Dato Kehormat mengadap Sultan lepas istiadat*. <https://eresources.nlb.gov.sg>